

SOALAN NO: 42

RTM menerusi siaran rancangan sedia ada terutama TV1 telah pun menyentuh mengenai Hudud dalam rancangan Wacana Nasional pada 18 Mei 2014 (Ahad), jam 11.00 malam. Panel jemputan terdiri daripada ahli akademik, pihak kerajaan dan pembangkang iaitu:

- i) YB Hanipa Maidin – Ahli Parlimen PAS Sepang
- ii) YB Datuk Haji Mohamad Alwi Che Mat – ADUN Kok Lanas
- iii) YB Liew Chin Tong – Ahli Parlimen DAP Kluang
- iv) Dr. Siti Zubaidah Ismail – Ketua Jabatan Syariah & Undang-undang Islam, UM

Selain itu, RTM juga turut membuat liputan berita radio dan TV mengenai isu hudud dengan mendapatkan penjelasan dan pandangan pihak yang pakar. Rancangan dan berita RTM boleh diikuti menerusi portal *online* RTM; <http://myklik.rtm.gov.my>, 1News dan *streaming*.

Bagi orang bukan Islam, kempen mengenali hudud turut telah dilaksanakan oleh Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), JAKIM yang ditubuhkan untuk memberi kefahaman Islam yang tepat melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan. Salah satu bidang yang diberi tumpuan oleh IKIM adalah aspek perundangan Islam di Malaysia.

Manakala kumpulan sasar bagi program-program yang telah diatur oleh IKIM melibatkan pelbagai pihak termasuk dari kalangan orang Islam dan bukan Islam.